

**JAWAPAN PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS
SEMPENA MESYUARAT KETIGA PENGGAL KETIGA
DEWAN NEGERI PAHANG KE-14**

.....

**YB. DATO' HAJI MD SOHAIMI BIN HAJI MOHAMED SHAH, DIMP.
- ADN KAWASAN SUNGAI LEMBING**

PERTANYAAN 1.

Isu berkaitan bauksit.

Bilakah perlombongan bauksit di Felda Bukit Goh dan di Felda Bukit Kuantan boleh dimulakan?

Cadangan, mohon supaya anak muda belia Felda diberi ruang dan peluang dalam mencari pekerjaan serta bergiat aktif di sepanjang perlombongan ini dijalankan.

**JAWAPAN DARIPADA PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
PAHANG**

- i. Aktiviti pengeluaran bauksit adalah tertakluk kepada kebenaran Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dengan mengguna pakai Prosedur Operasi Standard (SOP) Aktiviti Perlombongan dan Pengeksport Bauksit Negeri Pahang telah mula berkuat kuasa pada 5 September 2019. Pemakaian SOP ini penting bagi memastikan kelancaran operasi perlombongan dengan mengambil kira keseimbangan di antara kelestarian alam sekitar, kemampanan industri dan kesejahteraan rakyat.
- ii. Buat masa ini, hanya aktiviti perlombongan bauksit di kawasan Gebeng dan pengeluaran *stockpile* bauksit di KotaSAS sahaja yang dibenarkan beroperasi selepas mendapat kebenaran daripada PBN. Bagi peneroka-peneroka terdahulu, terutama di kawasan Bukit Goh, Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Ke-13/2017 pada 17 Mei 2017 telah bersetuju meluluskan penubuhan *One Stop Centre* yang mana akan diterajui oleh Perbadanan Kemajuan Negeri (Pahang) untuk menjalankan kegiatan perlombongan di kawasan terbabit. Beberapa konsultan telah dilantik oleh agensi yang berkenaan untuk mengkaji kaedah yang sesuai untuk menjalankan aktiviti perlombongan tanpa membelakangkan SOP yang telah ditetapkan. Pengoperasian secara berperingkat ini perlu dibuat bagi memastikan pelaksanaan SOP yang lebih berkesan. Sekiranya berjalan lancar, aktiviti perlombongan di kawasan Felda Bukit Goh dan Felda Bukit Kuantan akan dimulakan dan sekali gus akan memberi peluang pekerjaan kepada anak muda belia Felda.

PERTANYAAN 2.

Berkaitan dengan perkembangan terbaru mengenai pelaburan negeri Pahang.

Mohon penjelasan mengenai perkembangan berkaitan dengan pelaburan asing di negeri Pahang, ada perkhabaran pelabur asing telah menarik diri dalam melabur di negeri Pahang, adakah ianya benar?

JAWAPAN DARIPADA PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG (BAHAGIAN PERANCANG EKONOMI NEGERI)

Berdasarkan semakan, kenyataan pelabur asing telah menarik diri dari melabur di negeri Pahang adalah tidak benar. Dari bulan September 2020 sehingga kini, melalui Unit Antarabangsa, Kerajaan Negeri Pahang telah menerima lapan (8) permohonan pelabur asing dari Eropah, Timur Tengah, China dan Singapura.

Terdapat juga dua (2) permohonan syarikat antarabangsa yang sedia ada untuk membuat pembesaran kilang di negeri Pahang. Bagi pelaburan yang telah ditandatangani Memorandum Persefahaman (MoU), pihak kerajaan negeri melalui Syarikat Milik Kerajaan (GLC) sedang berusaha untuk menjayakan projek-projek berkenaan.

PERTANYAAN 3.

Apakah perancangan pihak Kerajaan Negeri Pahang untuk merencanakan ekonomi Pahang Barat dan Pahang Timur?

Cadangan, pihak kerajaan perlu menghidupkan kembali jalan Sungai Lembing hingga ke Jerantut dan juga membina satu bandar di kawasan Sungai Lembing.

JAWAPAN DARIPADA PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG (BAHAGIAN PERANCANG EKONOMI NEGERI)

1. Kerajaan Negeri Pahang telah merangka pelbagai perancangan bagi merencanakan pembangunan ekonomi negeri. Antara rancangan pembangunan yang telah ada adalah Rancangan Struktur Negeri Pahang (RSNP) 2050 diwartakan pada 14 Mac 2019. RSNP merupakan kajian yang merangkumi dasar-dasar dan cadangan strategik berkenaan pemajuan dan penggunaan tanah. Kawasan kajian RSNP merangkumi seluruh negeri Pahang termasuk di bahagian timur dan barat.
2. Semasa negara digemparkan dengan penularan virus COVID-19, sektor ekonomi terjejas dengan teruk, susulan itu kerajaan negeri telah menubuhkan Majlis Tindakan Ekonomi Negeri (MTEN) yang dipengerusikan oleh YAB Menteri Besar Pahang. Tujuan MTEN ini ditubuhkan adalah bagi membangunkan semua ekonomi negeri Pahang pasca COVID-19 dengan mengenal pasti langkah-langkah strategik dan pelaksanaannya dipantau secara terus oleh YAB Menteri Besar.

3. Kerajaan Negeri Pahang juga sedang merangka Pelan Pembangunan Ekonomi Pahang Barat bagi memastikan keseimbangan pembangunan dengan kawasan Pahang Timur. Memandangkan kawasan Pahang Barat adalah luas dan mempunyai potensi besar untuk pembangunan ekonomi, kerajaan negeri akan memantau pelaksanaan Pelan Pembangunan Ekonomi Pahang Barat dan memastikan pelan tersebut selaras dengan hasrat kerajaan negeri/*stake holder*.
4. Cadangan Jalan Sungai Lembing FT231 ke Jerantut telah disenaraikan di dalam cadangan projek jalan baharu jangka sederhana 2016-2030 di dalam Rancangan Struktur Negeri Pahang (RSNP) 2050 dan tersenarai di dalam projek RMKe-12 Jabatan Kerja Raya Pahang bernilai RM360 juta.
5. Di dalam Rancangan Tempatan Daerah (RTD) Kuantan 2035, Bandar Sungai Lembing dicadangkan untuk dicalonkan sebagai Tapak Warisan Dunia (UNESCO).

JAWAPAN DARIPADA JABATAN KERJA RAYA NEGERI PAHANG

Cadangan jalan baru dari Sungai Lembing ke Jerantut telah dipohon dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) oleh JKR Pahang. Pelaksanaannya akan bermula setelah mendapat kelulusan kelak.

JAWAPAN DARIPADA PLANMalaysia@Pahang JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA)

Perancangan di negeri Pahang adalah berpaksikan kepada empat (4) hierarki Rancangan Pemajuan iaitu Rancangan Fizikal Negara (RFN), Rancangan Struktur Negeri (RSN), Rancangan Tempatan Daerah (RTD) dan Rancangan Kawasan Khas (RKK) sepertimana termaktub di Akta Perancangan Bandar dan Desa (Akta 172).

Rancangan Fizikal Negara (RFN) berfungsi mengukuhkan perancangan negara melalui dimensi ruang dalam polisi ekonomi negara dan membentuk rangka kerja untuk perancangan di peringkat negeri dan tempatan. Manakala Rancangan Struktur merupakan satu dokumen perancangan yang diwartakan bagi memandu dan mengawal pembangunan fizikal yang menerangkan dasar-dasar dan cadangan strategik peringkat negeri.

Dasar Strategik dan cadangan-cadangan umum di dalam Rancangan Struktur untuk pemajuan akan diterjemahkan dan diperincikan kepada bentuk fizikal dan praktikal di dalam Rancangan Tempatan Daerah. Oleh demikian ini menjelaskan bahawa pembangunan di Pahang Barat dan Pahang Timur tidak terkecuali dalam pembangunan dan perancangan.

Pahang Barat terdiri daripada empat (4) daerah iaitu Lipis, Raub, Jerantut dan Cameron Highlands.

Daerah Lipis.

- i. Lipis dengan fokus sebagai Bandar Warisan dan mempunyai 14 projek berimpak tinggi serta 116 projek utama yang dicadangkan.

Daerah Raub.

- i. Daerah Raub sebagai Lembah Tani Lestari dan mempunyai 14 projek berimpak tinggi serta 118 projek utama yang dicadangkan.

Daerah Jerantut.

- i. Daerah Jerantut sebagai Bandar Taman Negara dan mempunyai 13 projek berimpak tinggi serta 83 projek utama yang dicadangkan.

Daerah Cameron Highlands.

- i. Daerah Cameron Highlands sebagai Bandar Pelancongan dan Pertanian Tanah Tinggi dan mempunyai 14 projek berimpak tinggi serta 77 projek utama yang dicadangkan.

Pahang Timur terdiri daripada tiga (3) daerah iatu Kuantan, Pekan dan Rompin.

Daerah Kuantan.

- i. Daerah Kuantan sebagai Daerah Lestari dan Berdaya Huni dan mempunyai 20 projek berimpak tinggi serta 151 projek utama yang dicadangkan.

Daerah Pekan.

- i. Daerah Pekan dengan status Bandar Diraja dan mempunyai 14 projek berimpak tinggi serta 129 projek utama yang dicadangkan.

Daerah Rompin.

- i. Daerah Rompin sebagai Bandar Pelancongan Antarabangsa dan mempunyai 16 projek berimpak tinggi serta 86 projek utama yang dicadangkan.

Kesimpulannya, kedua-dua kawasan bagi Pahang Barat dan Pahang Timur tidak terkecuali daripada arus pembangunan dan perencanaan cadangan projek-projek ekonomi yang telah dirancang di dalam Rancangan Tempatan Daerah berkaitan.

PERTANYAAN 4.

Kes pencerobohan tanah berskala kecil telah menjadi-jadi seperti yang dihebahkan oleh media tempatan.

Apakah pendekatan yang diambil dalam menangani isu ini, terutama yang terjejas adalah kawasan tadahan air bukit, di mana negeri Pahang ini telah dikenali sebagai air tadahan bukit.

JAWAPAN DARIPADA PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN PAHANG

Kerajaan melalui Unit Penguatkuasaan Negeri Pahang sentiasa memantau dan mengambil tindakan ke atas mana-mana pencerobohan tanah kerajaan sama ada berskala kecil atau besar merangkumi semua jenis kawasan termasuk kawasan tadahan air bukit di bawah peruntukan undang-undang sedia ada.